



CALON SPM, Mohd. Amirul Amin Mohd. Basri (tiga dari kiri) bersama rakan-rakannya terpaksa menaiki bot untuk pergi ke SMK Abdullah Munshi kerana Jalan P. Ramlee tidak boleh dilalui kenderaan akibat banjir kilat di Pulau Pinang, semalam.

info

KRONOLOGI BANJIR KILAT DI PULAU PINANG

- > **18 Julai:** Kawasan Bayan Lepas, Batu Maung, Relau dan Teluk Bahang serta Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) terjejas akibat banjir kilat.
- > **2 September:** Ribuan pengguna jalan raya terkandas dalam kesesakan lalu lintas ekoran banjir kilat di Bayan Baru dan Sungai Ara.
- > **18 September:** Banjir kilat melanda Jalan P. Ramlee, susur masuk ke Jalan Gemas sehingga persimpangan belakang Sekolah Menengah Kebangsaan Abdullah Munshi dan bulatan Jalan Free School.
- > **29 September:** Beberapa kawasan di pulau dan Seberang Perai dinaiki air akibat hujan lebat dan limpahan beberapa batang sungai utama seperti Sungai Pinang dan Sungai Mak Mandin/Sungai Perai.
- > **29 Oktober:** Lebih 10 kawasan di pinggir Georgetown ditenggelami banjir kilat ekoran hujan lebat selama empat jam bermula pukul 4 petang.
- > **1 November:** Lebih 700 penduduk di Batu Maung terjejas ekoran banjir kilat.

Banjir kilat melanda lagi

Oleh **MOHD. KHUZAIRI ISMAIL,**
AZHARI ZAINOODIN
dan **FIRDAUS ISMAIL**
pengarang@utusan.com.my

■ PULAU PINANG 7 NOV.

RIBUAN penduduk negeri ini sekali lagi berhadapan dengan banjir kilat yang melanda awal pagi ini ekoran hujan lebat berterusan sejak tengah malam tadi.

Paling teruk terjejas adalah sekitar Jalan Perak dan Jalan P. Ramlee di pinggir pusat bandar Georgetown di sini ekoran limpahan air Sungai Pinang.

Lebih malang, kira-kira 50 pelajar termasuk dua calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Abdullah Munshi di sini, terpaksa menaiki bot pasukan penyelamat ke sekolah selepas terkandas ekoran rumah mereka dinaiki air melebihi 0.5 meter.

Hujan lebat turut dilaporkan berlaku di Butterworth dan menenggelamkan kawasan sekitar Mak Mandin sehingga menjejaskan lebih 100 penduduk.

Kekerapan banjir kilat itu mengundang kemarahan penduduk apatah lagi kerajaan DAP Pulau Pinang dilihat lepas tangan dengan menyalahkan pihak lain termasuk Kerajaan Pusat dan Jabatan Pengairan serta Saliran (JPS).

Sedangkan DAP sebelum pilihan raya umum 2008 berjanji kononnya mampu menyelesaikan masalah banjir kilat itu hanya dalam tempoh sepekan selepas menjadi kerajaan negeri.

Namun sehingga hari ini, bencana berkenaan bukan sahaja berulang lebih kerap tetapi berlaku lebih buruk dengan membawa lumpur sekali gus dikaitkan dengan aktiviti pembangunan di lereng bukit.

Sementara itu, di Teluk Bahang, ribuan penduduk terputus hubungan selepas jalan utama yang menghubungkan kawasan itu dengan Balik Pulau dan pusat bandar Georgetown ditimbus tanah runtuh.

Dalam kejadian kira-kira pukul 5 pagi itu, sebahagian jalan berdekatan Batu Feringghi turut runtuh, namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

Sehingga kini, jalan tersebut ditutup kepada orang ramai yang terpaksa menggunakan jalan alternatif antaranya Jalan Balik Pulau ke Taman Tun Sardon atau ke Bayan Lepas.

Banjir kilat dan tanah runtuh itu juga menyebabkan kesesakan jalan utama di bahagian pulau mengalami kesesakan teruk awal pagi ini khususnya Jalan Masjid Negeri dan sekitar Paya Terubong.

Banjir kilat awal pagi ini merupakan kali ketiga dalam tempoh hanya seminggu selain lebih 10 kali berlaku sepanjang tahun ini.